

Lengkapkan petikan di bawah ini dengan menggunakan kata kerja yang sesuai. DSKP: SP5.1.4

- | | | | | |
|----------------|--------------|---------------|--------------------|----------------|
| • meningkatkan | • melihat | • dibentuk | • menghayati | • dilaksanakan |
| • bergantung | • menyimpang | • menjejaskan | • bertanggungjawab | • bermasalah |
| • menyuntik | • memerlukan | • merentasi | • diambil | |

Sekolah merupakan institusi yang menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Penerapan nilai murni termasuklah menerusi pelbagai teknik seperti melalui silibus mata pelajaran tertentu, penerapan nilai

(1) _____ kurikulum, dan menerusi aktiviti kokurikulum seperti persatuan, kelab, dan badan-badan beruniform. Dalam pada itu, terdapat segelintir murid yang (2) _____ dari segi disiplin serta tidak (3) _____ budaya positif yang diajarkan, malahan mereka mewujudkan satu subbudaya yang tidak formal dan jauh (4) _____ daripada nilai-nilai murni termasuklah lepak dan ponteng sekolah.

Pembudayaan integriti dalam kalangan murid sekolah amat penting untuk meningkatkan nilai amanah, kejujuran, dan keikhlasan. Pelbagai kes salah laku murid seperti gengsterisme, buli, dan vandalisme telah

(5) _____ imej sekolah dan sistem pendidikan negara. Hal ini perlu (6) _____ perhatian yang serius oleh pelbagai pihak.

Dalam usaha untuk meningkatkan modal insan berkualiti, negara kita (7) _____ barisan belia termasuk remaja dan murid yang mempunyai nilai integriti yang tinggi. Kejayaan misi nasional negara ini banyak (8) _____ pada komitmen dan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya modal insan yang berkualiti dalam kalangan murid sekolah.

Pembudayaan integriti perlu (9) _____ dan diperluas secara berterusan dalam kalangan generasi muda terutamanya dalam kalangan murid sekolah. Pembudayaan integriti seharusnya bermula pada peringkat yang lebih rendah sekiranya negara kita berminat untuk (10) _____ semangat dan nilai integriti dalam jiwa murid. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah ketika rebungunya. Sekiranya murid tersebut mempunyai integriti yang tinggi, hal yang demikian ini dapat (11) _____ kesedarannya terhadap amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.

Sememangnya setiap ibu bapa mahu (12) _____ anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Melalui pembudayaan integriti, murid akan lebih (13) _____ dan amanah ketika melaksanakan impian ibu bapa mereka. Murid merupakan tunggak negara yang akan menjadi pemimpin pada suatu hari nanti juga. Melalui pembudayaan integriti, murid yang (14) _____ akan menjadi pemimpin yang amanah, jujur, dan bebas daripada isu rasuah.



Kunci Kata

- subbudaya – amalan sekumpulan orang yang berbeza daripada amalan atau cara hidup masyarakat keseluruhannya
- formal – rasmi
- modal insan – sumber intelek yang ada pada diri setiap manusia
- tunggak – penunjang, pendukung